

Bab 7

MANIFESTASI KOSMOLOGI DALAM HUKUM ADAT PERPATIH

Norazit Selat

PENGENALAN

Kosmologi adalah sistem kepercayaan yang berkaitan dengan sifat alam sejagat atau kosmos. Tergolong di dalam sistem kepercayaan ini mungkin taakulan (*postulates*) struktur, organisasi, dan cara berfungsi alam semulajadi, alam supernatural dan alam sosial manusia. (Seymour-Smith, 1986:55)

Adat Perpatih pula adalah peraturan hidup yang diamalkan di Sumatera Barat, Indonesia dan oleh hampir semua masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan di Naning, Melaka. Manifestasi kosmologi dalam adat perpatih terdapat dalam perbilangan adat atau pepatah-pepatihnya. Oleh kerana masyarakat adat perpatih pada asalnya adalah masyarakat *peasant*, yang bergantung pada tanah untuk *survival* mereka, maka kebanyakan perbilangan adatnya adalah berdasarkan kepada struktur dan organisasi alam semesta. Hal ini dapat dilihat dalam perbilangan berikut:

Penakik pisau seraut
Ambil galah batang lintabung
Seludang diambil jadikan nyiru
Yang setitis jadikan laut
Yang sekepal jadikan gunung
Alam berkembang jadikan guru

Adat adalah tingkahlaku dan nilai yang diterima oleh masyarakat adat pepatih sebagai satu pegangan hidup yang baik bagi mereka. Perbilangan adat banyak memperkatakan tentang nilai-nilai yang hendak diterapkan dan seterusnya diamalkan bersama. Penjelasan nilai-nilai ini tersirat di dalam keindahan susunan kata-kata

perbilangan adat. Makna perbilangan-perbilangan tersebut tidak mungkin dapat difahami tanpa dihalusi maksudnya yang sebenar:

Kata adat banyak kiasan
Ditunjuk dia tetapi bukan
Bergulung pendek panjang direntang
Tidak faham kalau tidak direnungkan

Setinggi-tinggi melenting
Membumbung ke awang-awang
Jatuhnya ke tanah juga
Sehabis dahan dengan ranting
Dikupas dan dikulit batang
Sampai ke teras barulah nyata

KONSEP ADAT DALAM ADAT PERPATIH

Walaupun masyarakat umumnya mentakrifkan adat itu sebagai satu kelaziman, tetapi bagi masyarakat adat perpatih konsep adat mempunyai empat makna yang jelas. Bagi adat perpatih, konsep adat terbahagi kepada empat, iaitu:

- Adat Yang Sebenar Adat
- Adat Yang Teradat
- Adat Yang Diadakan
- Adat Istiadat

Adat Yang Sebenar Adat

Ini merupakan hukum alam yang tidak boleh diubah atau diganggu-gugat oleh manusia, contohnya:

Adat ayam berkokok
Adat kambing membebek
Adat kerbau menguak

Adat tajam melukai
Adat air membasahi
Adat api menghanguskan

Adat Yang Teradat

Ini adalah prinsip utama yang menjadi teras kewujudan adat perpatih, contohnya, sistem kekeluargaan yang berasaskan suku dan sistem tanah pusaka. Termaktub juga dalam istilah ini ialah pelaksanaan hukum adat dengan adil dan saksama tanpa mengira bulu atau darjat. Maka timbul kata perbilang:

Biar mati anak jangan mati adat.

Maksudnya, hukum atau prinsip peraturan hidup itu tidak boleh dikompromikan walaupun yang melakukan kesalahan itu anak sendiri. Dalam bentuknya yang ekstrim, orang yang membunuh, kalau sabit kesalahannya, mesti dihukum bunuh juga. Yang salah tetap salah, dan orang bersalah mestilah bertanggungjawab ke atas tindakannya yang mungkin boleh memporak-perandakan masyarakat. Sekiranya ini dilakukan maka barulah masyarakat umumnya menaruh kepercayaan kepada sistem, dan juga individu-individu yang dipertanggungjawabkan mengendalikan sistem tersebut. Dengan itu masyarakat adat perpatih akan yakin bahawa adat mereka, tidak lapuk oleh hujan dan tidak lekang oleh panas.

Adat Yang Diadatkan

Ini adalah peraturan hidup yang terhasil dari muafakat dan musyawarah semua pihak, dari pemimpin hingga ke anak buah. Jelasnya dalam adat perpatih terdapat juga hukum adat yang tidak *fundamental*, tetapi *flexible*, dan boleh diubahsuai mengikut keadaan:

Usang-usang dibarui
Lapuk dikajangi
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang
Kalau pendek diulas
Kalau panjang dikerat
Kalau senteng dinilai

Melebihi jangan keterlaluan
Mengurangi jangan sia-sia

Adat Istiadat

Ini merupakan acara yang diadakan secara formal pada sesuatu upacara. Contohnya adat istiadat perkahwinan yang melibatkan adat istiadat seperti merisik, bertunang, berinai, bersanding dan sebagainya. Adat ini juga *flexible* dan berbeza dari satu tempat dengan satu tempat yang lain:

Sekali air bah
Sekali pasir berubah

Lain lubuk lain ikan
Lain padang lain belalang
Lain negeri lain adatnya

Adat istiadat ini juga boleh dimansuhkan tanpa ia menjejaskan sistem sosial adat perpatih itu sendiri. Lazimnya adat istiadat ini dilakukan untuk memperagakan status, menunjukkan pengamalannya peka dan berupaya meniru perubahan-perubahan yang berlaku, di samping diharapkan acara-acara sampingan yang diadakan bersama akan memeriahkan lagi majlis yang diadakan.

FUNGSI HUKUM ADAT

Seperti telah dijelaskan, hukum adat yang wujud dan diperturunkan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi yang lain itu, memberikan masyarakat adat perpatih kerangka pemikiran dan tindakan mereka:

Hidup dikandung adat
Mati dikandung tanah

Segala-gala yang mereka lakukan mestilah berpandukan nilai yang telah ditetapkan oleh adat. Sejak kecil lagi individu dalam masyarakat adat perpatih telah disosialisasikan dengan elemen penting dalam adatnya. Contohnya, mereka dikenalkan dengan identiti mereka masing-masing melalui suku mereka. Mereka juga disedarkan bahawa mereka tidak boleh berkahwin dengan orang yang sama

sesuku, dan ahli lelakinya pula diberitahu, mereka adalah pelindung suku mereka:

Terbit pusaka pada saka
Si lelaki yang menyandang pusaka
Si perempuan yang punya pusaka
Orang semenda yang membela

Setiap hukum adat adalah berasaskan akal budi, sesuai dengan kehidupan masyarakat yang tinggal berkomuniti. Hukum adat telah digubal mengikut peraturan dan susunan alam semesta. Perbilangan dan pepatah petiti yang terdapat dalam hukum adat penuh dengan kiasan-kiasan yang bersumberkan alam, dan alam dan segala kejadian dan hikmahnya adalah ciptaan Allah:

Buluh tumbuh di bukunya
Kelapa tumbuh di matanya
Tunas tumbuh di tunggulnya
Yang bertunggul bertembang

Maka oleh itu bagi masyarakat adat perpatih, tidak ada pertentangan di antara adat dengan Islam. Sebaliknya agama Islam itu telah menyempurnakan lagi adat perpatih:

Adat bersendi syarak
Syarak bersendi kitabullah
Syarak mengata
Adat memakai

Si Muncak mati terambau
Ke ladang membawa parang
Lukalah paha keduanya
Adat dan syarak di Minangkabau
Umpama aur dengan tebing
Sandar-menyandar keduanya

Kedua-duanya, adat dan Islam, mencari jalan kebaikan, menyuruh berbuat baik dan menghindarkan berbuat jahat. Hukum Adat mengutamakan kewujudan harmoni dalam masyarakat adat perpatih.

ADAT SENTOSA DALAM NEGERI

Keamanan boleh dicapai melalui beberapa cara, tetapi yang diutamakan oleh adat perpatih ialah melalui muafakat dan persefahaman. Perbilangan adat ada mengatakan:

Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat
Faham sesuai, benar seukur
Bulat segolek, pipih selayang
Rundingan jangan selisih
Muafakat jangan bercanggah
Tuah pada sekata
Berani pada seia

Walaupun hinggap yang mencekam
Kuku yang tajam tidak berguna
Walaupun memegang tampuk alam
Kata muafakat yang lebih berkuasa

Kepentingan harmoni telah diserapkan dalam dua aspek penting yang juga menjadi teras sistem sosial dan peraturan hidup masyarakat adat perpatih, iaitu dalam diri individu, sebagai ahli masyarakat dan dalam masyarakat yang membuahkan dan mekerangkakan perpaduan. Bagi individu mereka diterapkan dengan nilai-nilai yang dianggap mulia dan murni dalam adat perpatih. Terdapat beberapa kategori nilai dalam masyarakat adat perpatih seperti berikut:

- Budi
- Malu
- Timbang Rasa

Budi

Pentingnya budi di dalam diri seseorang individu di dalam adat perpatih dapat dilihat dalam perbilangan adat dan pantun berikut:

Pulau bertngkat naik
Meninggalkan ruas dengan buku
Mati harimau meninggalkan belang

Mati gajah meninggalkan gading
Mati manusia meninggalkan jasa (nama)

Yang kurik ialah kundi
Yang merah ialah saga
Yang baik ialah budi
Yang indah ialah bahasa

Pulau Pandang jauh ke tengah
Di balik Pulau Angsa Dua
Hancur badan dikandung tanah
Budi yang baik dikenang juga

Setali pembeli kemenyan
Sekupang pembeli ketaya
Sekali lencong oleh ujian
Seumur hidup orang tidak percaya

Malu

Nilai malu berkait rapat dengan nilai budi. Seseorang individu itu mestilah malu bukan sahaja pada dirinya tetapi juga kepada masyarakatnya. Sekiranya dia didapati bersalah melanggar hukum adat, maka bukan sahaja dia yang malu dan kehilangan maruah, tetapi keluarga dan sukunya juga turut merasa keaiban tersebut:

Anak orang kota hilang
Hendak lalu ke pekan Baso
Malu dan sopan kalaulah hilang
Habislah rasa dan perasaan

Seseorang individu itu mestilah mengutamakan kepentingan masyarakatnya dari kepentingan dirinya sendiri. Oleh itu dia mestilah pandai menjaga dirinya:

Berjalan peliharalah kaki
Berkata peliharalah lidah
Kaki tertarung inai padahnya
Lidah tertarung emas padahnya

Timbang Rasa

Ketiga ialah nilai timbang rasa. Untuk melengkapkan diri sebagai ahli masyarakat yang baik dan prihatin tentang orang lain seseorang individu itu mestilah mempunyai sifat timbang rasa. Sifat ini hanya boleh dimiliki sekiranya seseorang itu, sebelum mengambil sebarang tindakan, meletakkan dirinya di tempat orang yang hendak diambilnya tindakan tersebut. Mengikut perbilangan:

Yang elok dek awak tu
Setuju dek orang hendaknya
Sakit dek awak sakit dek orang
Lemak dek awak lemak dek orang

Selain tiga kategori nilai di atas, sebagai satu masyarakat yang beridentiti dan beraspirasi sama, masyarakat adat perpatih juga secara kolektifnya mengamalkan nilai-nilai hidup yang bukan sahaja menguntungkan tetapi juga menguatkan lagi kewujudan harmoni di kalangan mereka. Keadaan ini, antaranya dapat dilihat dalam sistem nilai berikut:

- Nilai Bantu Membantu
- Nilai Sama Rata
- Nilai Setia
- Nilai Perpaduan

Nilai Bantu Membantu

Bantu membantu dan tolong menolong adalah sebahagian dari cara hidup masyarakat *peasant*. Seseorang penanam padi tidak dapat memulakan pertaniannya sekiranya petani-petani lain tidak turun ke sawah bersama. Walaupun dia mungkin dapat membersihkan sistem pengairan sawahnya seorang diri, atau dengan bantuan keluarganya, tetapi dia tidak mungkin dapat hendak mengawal serangan serangga, burung dan babi yang bertumpu kepada sawahnya sahaja. Manusia tidak mungkin dapat wujud dengan sempurna tanpa bantuan keluarga dan jiran tetangganya. Dalam adat perpatih hal ini jelas diterangkan oleh perbilangan adat:

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing

Yang tidak ada sama dicari
Sama sakit sama senang
Ke bukit sama mendaki
Ke lurah sama menuruni
Sama menghayun sama melangkah
Jika khabar baik diberitahu
Jika khabar buruk serentak didatangi
Jika jauh ingat-mengingat
Jika dekat temu menemui

Nilai Sama Rata

Untuk mewujudkan harmoni dan perpaduan sosial maka adat perpatih mengamalkan nilai samarata samarasa. Setiap individu bukan sahaja diberi peluang membutirkan buah fikiran demi kebaikan dan kesejahteraan bersama, tetapi dia juga digalakkan meluahkan perasaannya dalam sebarang usaha mencari jalan penyelesaian bagi sesuatu masalah. Mengikut adat:

Duduk sama rendah
Berdiri sama tinggi

Jika dapat sama laba
Kehilangan sama rugi
Yang ada dimakan bersama
Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama dicicah
Tertelungkup sama makan tanah
Terlentang sama menadah embun

Nilai Setia

Setia juga merupakan nilai yang dianggap unggul bagi masyarakat yang hidup berkelompok. Tanpa kesetiaan masyarakat dan negara tidak akan sentosa. Banyak masa dan tenaga akan disia-siakan melawan musuh dalam selimut. Termasuk di dalam nilai setia juga ialah kerelaan menerima hukum perintah orang lain, sesuai dengan prinsip di mana bumi dipijak disitu langit dijunjung. Perbilangan adat mengatakan:

Adat bersaudara, saudara pertahankan
Adat berkampung, kampung pertahankan
Adat bersuku, suku pertahankan
Adat bernegeri, negeri pertahankan

Sepakat pangkal selamat
Sengketa pangkal celaka
Hilang adat kerana janji
Hilang pusaka kerana buatan

Bila bersemenda di mana-mana suku
Sahlah kata adat
Air orang disauk
Ranting orang dipatah
Adat orang diturut
Di mana bumi dipijak
Di situ langit dijunjung
Masuk kandang kerbau menguak
Masuk kandang kambing mengembek
Bagaimana adat tempat semenda, dipakailah

Nilai Perpaduan

Sesuatu masyarakat itu tidak akan stabil dan sejahtera tanpa adanya penerapan nilai perpaduan. Kuatnya dan tingginya martabat sesuatu masyarakat itu terletak kepada kerjasama dan keakraban yang dirasakan dan dialami bersama. Di dalam adat perpatih perpaduan masyarakatnya hendaknya adalah seperti berikut:

Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Seciap seperti ayam
Sedencing seperti besi
Malu tidak boleh diagih
Suku tidak boleh dianjak
Melompat sama patah
Menyerudup sama patah
Jalan sedundun
Selenggang seayun

RUANGLINGKUP DAN BIDANG KUASA ADAT

Di dalam adat perpatih, pengemblingan kedua-dua entiti, iaitu individu dan masyarakat, telah dipereratkan dan diperkuatkan lagi oleh perincian bidang kuasa kepada teritori-teritori yang khusus. Walaupun pembahagian bidang tersebut berbentuk hirarki tetapi ia tetap demokratis kerana kewujudan bidang-bidang kuasa tersebut adalah berasaskan muyawarah dan muafakat. Di Negeri Sembilan pembahagian bidang kuasa ini adalah seperti kata perbilangan:

Raja menobat di dalam alam
Pengkulu menobat di dalam luhak
Lembaga menobat di dalam lingkungannya
Buapak menobat pada anak buahnya
Orang ramai menobat di dalam terataknya

Di Minangkabau pula pepatah-petitihnya berkaitan dengan bidang kuasa ini adalah seperti berikut:

Luhak mempunyai Pengkulu
Rantau mempunyai Raja
Kampung ada ketuanya
Rumah ada kepalanya
Kemanakan beraja mamak
Mamak beraja ke Pengkulu
Pengkulu beraja ke muafakat
Muafakat beraja kepada kebenaran
Kebenaran menurut alur dan patut

Dari perbilangan adat perpatih Negeri Sembilan, contohnya, jelas bahawa konsep teritori dari segi geografinya jelas. Di peringkat yang paling asas, terdapat individu lelaki yang menjadi tunggak rumahtangganya dan yang paling tertinggi sekali terdapat seorang raja, dan tugasnya bukan memerintah sebuah kerajaan, tetapi dia hanya menjadi simbol keadilan sahaja. Walaupun dari ungkapan katanya dia dikatakan memerintah sebuah negeri, tetapi dalam realiti adat perpatih Negeri Sembilan yang sebenarnya, kawasan geografinya terbatas kepada kawasan Seri Menanti sahaja.

Walau bagaimanapun ruanglingkup dan bidang kuasa penguatkuasa adat ini khususnya di dalam menjalankan hukum-hukum adat telah dijelaskan oleh

perbilangan seperti berikut:

Raja sekeadilan
Penghulu seundang
Tali pengikat daripada Lembaga
Keris Penyalang daripada Undang
Pedang pemancung daripada keadilan (Raja)

Dari kata-kata perbilangan ini jelas bahawa setiap pemimpin adat di peringkat-peringkat tertentu memainkan peranan yang penting. Setiap pemimpin ini mempunyai kuasa mereka yang tersendiri, khususnya yang berkaitan dengan menjatuhkan hukuman. Hanya Undang dan Raja sahaja yang berhak menjatuhkan hukuman bunuh, Undang dengan keris penyalang dan Raja dengan pedang pemancung.

KONSEP KEADILAN

Memang tidak dinafikan bahawa tidak wujud satu sistem hukum adat yang sempurna yang dapat menangani setiap konflik yang berlaku di dalam mana-mana masyarakat. Walaupun tujuan luhur hukum adat perpatih ialah untuk menghapuskan sebarang konflik, tetapi jelas bahawa hukum adat hanya berjaya meminimumkan konflik-konflik tersebut.

Namun demikian, hukum adat diwujudkan bukan untuk menghukum tetapi untuk menyelesaikan masalah dan persengketaan dengan baik melalui perundingan dan muafakat:

Buruk dibaiki
Kusut diselesaikan
Gaduh di hulu dihului
Gaduh di hilir dihiliri
Gaduh di tengah dihampiri

Buang yang keruh
Ambil yang jernih

Sesat ke hujung jalan
Balik ke pangkal jalan
Sesat ke hujung kata
Balik ke pangkal kata

Di dalam sistem hukum adat perpatih tidak ada konsep menang dan kalah. Yang penting ialah penyelesaian yang telah dicapai dan tidak timbulnya rasa tidak puas hati di kalangan kedua-dua pihak yang bersengketa:

Menang berkecundang
Kalah berketundukan
Seraya berjabat tangan

Penyelesaian yang dicari adalah untuk kebaikan bersama dan tidak seharusnya dibiarkan melarat panjang oleh kerana ungkitan-ungkitan orang yang tidak berpuas hati. Maka di dalam melaksanakan hukum adat, mereka yang berkuasa mestilah berpandukan perbilangan,

Ular dipalu biar mati
Kayu pemalu jangan patah
Tempat pemalu jangan lembing

Ibarat menarik rambut dalam tepung
Tepung jangan terserak
Rambut jangan putus

Pemimpin-pemimpin adat, di dalam ertikata sebenarnya, termasuk semua lelaki, memainkan peranan yang penting menentukan hukum adat itu dilaksanakan dengan adil dan saksama. Orang yang mengadili mestilah lurus dan amanah. Dia mestilah menggunakan cupak asli, supaya hukuman yang dijatuhkan adalah hukuman yang seadil-adilnya dan tidak menimbulkan perasaan tidak puas hati pada mana-mana pihak. Mengikut pepatah:

Cupak yang pepet
Gantang yang piawai
Cupak dua belas tahlil
Gantang kurang dua lima puluh
Baris tidak boleh dilampaui
Cupak tidak boleh berlebih berkurang
Yang berukur berjangkaan
Yang berbaris berbelebas
Teraju yang tidak dipalingkan
Berjenjang naik bertangga turun
Hitam tahan tempa
Putih tahan cuci
Bungkal genap menahan asah

Emas murni menahan uji
Kebenaran menahan lihat

Cupak asli itu mestilah dilaksanakan dengan jujur supaya:

Kalau mengukur sama panjang
Kalau menimbang sama berat
Jika menilai sama luas
Tidak boleh berpihak-pihak
Tidak boleh berkatian kiri
Lurus benar dipegang sungguh
Tiba di mata dipicingkan
Tiba di dada jangan dibusungkan
Tiba di perut jangan dikempiskan

PENUTUP

Jadi jelas bahawa tujuan hukum adat bukanlah untuk menghukum atau mencari siapa yang salah, tetapi peranannya yang penting sekali, ialah untuk menyelesaikan perkara yang kusut agar ia tidak berulang lagi. Segala-galanya ini tidak mungkin dapat dilaksanakan sekiranya hukum adat tersebut tidak bersendikan Islam, kerana Allah adalah penentu segala-galanya. Dan jelas jugalah bahawa manifestasi kosmologi masyarakat adat perpatih terdapat dalam perbilangan adat atau pepatah-petitihnya, bukan sahaja dari segi hukum adat tetapi juga dari segi ekonomi, politik dan sosial.

BIBLIOGRAFI

- Buxbaum, David, C.
1968. *Family Law and Customary Law in Asia: A Contemporary Legal Perspective*. The Hague, Marinus Nijhoff.
- Djaren Saragih, S. H.
1984. *Pengantar Hukum Adat Indonesia*. Bandung: Penerbit Tarsito.
- Hooker, M.B.
1970. *Reading in Adat Laws*, Singapore: Singapore University Press.

H.Idrus Hakimy Dt, Rajo Penghulu.

1991. *Pegangan, Bundo Kanduang, Dan Pidato Alua Pasambahan Adat DiMinangkabau*. Bandung: Penerbit P.T. Remaja Rosdakarya.

Norazit Selat, (ed).

1990. *Negeri Sembilan: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia.

Konsep Asas Antropologi, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nordin Selat.

1982(cetakan kedua). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Norhalim Hj. Ibrahim.

1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Seymour-Smith, C.

1986. *Macmillan Dictionary of Anthropology*. London: Macmillan.

Ter Haar, B. (terjemahan Soebakti Poesponoto).

1991. *Asas-Asas dan Susunan Hukum Adat*. Jakarta: PT Pradnya Paramita.

Wilkinson, R.J. (ed).

1971. *Papers on Malay Subjects*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.